

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN REKABENTUK MALAYSIA 2015
DAN
PERTANDINGAN REKABENTUK BEG MRM-iBAG**

**GALERI MRM @ *LEVEL 11*
MENARA MATRADE, Kuala Lumpur
KHAMIS, 24 MAC 2016**

[SALUTASI AKAN DIMUKTAMADKAN]

Salam Sejahtera dan Salam 1MOSTI

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) di atas inisiatif menganjurkan **Pertandingan Rekabentuk Malaysia** yang mana saya difahamkan telah mula dianjurkan sejak 1996 lagi.

2. Dari perspektif MOSTI, ini merupakan satu lagi kaedah untuk membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif masyarakat melalui penghasilan rekabentuk. Aktiviti penghasilan rekabentuk sentiasa mempertingkatkan keupayaan berfikir, lantaran itu menjadikan pereka itu sentiasa peka dan kreatif. Masyarakat beginilah yang ingin kita bentuk di Malaysia.

3. Penganjuran Pertandingan Rekabentuk Malaysia 2015 dengan tema “**Bencana Alam: Pengurusan Banjir (Sebelum, Semasa,**

Selepas)” amat relevan dan bersesuaian sekali dengan fenomena yang dialami oleh negara kita. Malahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah pada pembukaan Penggal ke Empat Parlimen ke 13 di mana baginda berharap kerajaan dapat mengukuhkan lagi tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana termasuk melalui pendekatan kreatif dan inovatif melalui sains dan teknologi dalam memantau, meramal dan menangani risiko bencana banjir.

4. Oleh yang demikian, saya percaya kesemua peserta telah melakukan penyelidikan yang menyeluruh bagi mendapatkan idea yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan mangsa dan persekitaran tempatan.

5. Selain itu, saya turut difahamkan bahawa petang ini kita juga akan meraikan para pemenang Pertandingan Rekabentuk Beg anjuran bersama MRM dan iBag Premium. Saya pasti dengan kedua-dua pertandingan ini kerana kita akan melihat pelbagai hasil yang sudah pastinya menarik, kreatif dan mengagumkan. Tahniah sekali lagi kepada bukan sahaja MRM, tetapi juga semua yang terlibat termasuk penganjur bersama iBag Premium dan para peserta.

Para hadirin sekalian,

6. Seiring dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, kreativiti dan inovasi telah diberikan perhatian khusus oleh Kerajaan. Ini adalah kerana dalam memacu ke hadapan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju kita tiada pilihan selain menjadikan inovasi dan kreativiti asas pembangunan ekonomi baru Negara kita.

7. Dalam konteks ini, Kerajaan sedar bahawa untuk negara kekal kompetitif dalam persaingan ekonomi global, pembangunan negara perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi dan inovasi serta mampu merintangi pelbagai cabaran. Justeru itu **Model Baharu Ekonomi (NEM)** telah diperkenalkan dengan berasaskan kepada **inovasi, kreativiti dan aktiviti nilai tambah**, yang mampu **menggandakan** pendapatan per kapita rakyat menjelang tahun 2020. Inilah cabarannya kepada MOSTI dan agensi-agensi untuk membuktikan keupayaan kita untuk mengoptimumkan kemudahan, bakat dan kepakaran sedia ada tetapi mampu memberi hasil yang lebih bermanfaat kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara.

8. Kita harus beralih dan menumpukan kepada peranan yang dimanfaatkan melalui aktiviti rekabentuk yang bersesuaian. Rekabentuk kini tidak boleh lagi dipandang sebagai kosmetik semata-mata, tetapi boleh dimanipulasikan peranannya untuk membentuk dan memajukan ekonomi serta sosio budaya sesebuah negara. Malahan harus kita ingat di sini bahawasanya reka bentuk memainkan peranan yang penting untuk menentukan sama ada sesuatu produk diterima atau sebaliknya oleh pelanggan.

9. Kejayaan negara-negara seperti Finland, German, Korea, Taiwan dan Jepun untuk menjana peningkatan **sosio-ekonomi** negara melalui **rekabentuk** sangat menarik perhatian kita. Malah, kita juga perlu melihat bagaimana negara jiran kita seperti Singapura, Thailand, Filipina dan yang terbaru Indonesia, begitu aktif meneroka dan memanfaatkan peluang dalam bidang aktiviti rekabentuk dengan memastikan produk yang dihasilkan mempunyai nilai tambah dan menjadi perhatian pengguna.

10. Saranan Pengerusi MRM supaya rekabentuk diterjemahkan sebagai salah satu **agenda strategik negara** wajar diberi perhatian. Usaha MRM untuk mewujudkan Dasar Rekabentuk Nasional harus **disokong** demi kelangsungan pembangunan rekabentuk di negara ini. Saya percaya dengan adanya dasar ini, ia boleh menjadi pencetus bagi melonjakkan kedudukan negara dalam **Indeks Inovasi Global** daripada tangga ke 32 pada tahun 2015 dan tangga ke 18 dalam **Laporan Daya Saing Global 2015-2016** kepada tahap yang lebih tinggi.

Para hadirin sekalian,

11. Sepertimana diketahui semua, YAB Perdana Menteri amat menggalakkan kesemua agensi Kerajaan untuk mempraktikkan **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau ringkasnya NBOS yang menyarankan satu cara yang **kreatif** dan **sistematik** dalam **mewujudkan nilai tinggi** dengan **kos kompetitif**. NBOS kini merupakan **titik fokus** kepada usaha-usaha transformasi Kerajaan dan berfungsi sebagai **tunjang integrasi** dan **sintesis** program-program lain seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Kejayaan NBOS membantu merangsang pertumbuhan yang **pesat dan mampan** di Malaysia serta mewujudkan masyarakat **berpendapatan tinggi** dan **harmoni**.

12. MOSTI menyahut seruan Kerajaan untuk mengadakan kolaborasi dengan lain-lain agensi Kerajaan atau menjadi rakan strategik bersama sektor perindustrian dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif NBOS secara **kreatif** dan bersifat **transformatif** kepada negara. Saya berharap penglibatan sektor perindustrian akan **memacu** usaha untuk meningkatkan kadar pengkomersilan di Malaysia. Sebagai contoh, idea-idea berpotensi dari **Pertandingan Rekabentuk Malaysia 2015**

dan **Pertandingan Rekabentuk Beg MRM – iBag** boleh dikomersialkan sekiranya wujud persefahaman di antara agensi Kerajaan dan sektor swasta.

13. Saya sedar, bahawa tidak mudah untuk mendapatkan komitmen daripada industri kerana ia melibatkan risiko tinggi dari segi kewangan dan sebagainya. Tetapi jika ianya diatur dengan teliti, pasti risiko itu dapat diuruskan dengan baik. Saya ingin menegaskan disini, MOSTI selaku penggerak aktiviti sains, teknologi dan inovasi di Malaysia bersedia membantu syarikat-syarikat berpotensi mengkomersialkan produk mereka.

Para hadirin sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi **tahniah dan syabas kepada semua pemenang Pertandingan Rekabentuk Malaysia dan Pertandingan Rekabentuk Beg MRM-iBag 2015**. Besarlah harapan saya agar kesemua produk yang dihasilkan akan dapat mencetuskan persepsi baru dan mampu menyumbang kepada agenda pembangunan negara. Kepada semua peserta, walaupun matlamat utama sesuatu pertandingan adalah untuk mencapai kemenangan, tetapi di dalam konteks pertandingan rekabentuk, saya kagum dengan kesediaan anda semua untuk mencabar keupayaan diri dan melihat sejauh mana kreativiti dan inovasi anda.

Dengan kata-kata tersebut, saya dengan ini merasmikan **MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN REKABENTUK MALAYSIA 2015 DAN PERTANDINGAN REKABENTUK BEG MRM-iBAG** dan Selamat maju jaya;

Sekian, terima kasih.